A

PP

lwn.

LUKMAN ASWAH

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
KAMARDIN HASHIM PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-34-2007(4)]
13 MAC 2009

C

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Rayuan terhadap hukuman dan sabitan dijatuhkan - Prima facie - Pembuktian - Sama ada OKT mempunyai penjagaan/ kawalan ke atas dadah dirampas - Pengetahuan mens rea - Anggapan mengedar - Sama ada memadai untuk menerima keterangan seorang*

D

saksi sahaja tanpa keterangan sokongan - Akta Keterangan 1950, s. 134 - Sama ada s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai - Sama ada keraguan tentang identiti dadah dan adanya putus rantaian keterangan - Jumlah dan berat dadah - Sama ada membolehkan inferen dibuat bahawa ia untuk tujuan pengedaran - Sama ada pembelaan OKT 'bare

E

denial' – Sama ada pembelaan menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan - Akta Dadah Berbahaya, ss. 37(da)(vi), 39B(2)

F

Orang Kena Tuduh (OKT) telah dituduh dengan satu pertuduhan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 bahawa beliau telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu 1638.9 gram cannabis dan oleh yang demikian telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s.39B(2) Akta yang sama. OKT didapati bersalah dan

G

disabitkan. OKT dijatuhkan hukuman gantung sampai mati dan sekarang membuat rayuan terhadap sabitan dan hukuman yang dijatuhkan. Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah pada 8 Ogos 2005, jam 10.10 malam, SP4 bersama anggota pasukan polis telah membuat rondaan di Jalan Rose Merah

H

9, Plentong Johor Bahru dan telah melihat OKT di tepi jalan sedang memegang satu bag di tangan kirinya. Seterusnya SP4 dan anggota polis menyerbu ke arah OKT, memperkenalkan diri sebagai polis kepada OKT di mana OKT terus cuba untuk melarikan diri ke arah sebuah motosikal. Berlakunya satu pergelutan antara SP4

I

dan anggota pasukan serbuan dengan OKT. Setelah OKT ditahan, SP4 telah menjalankan pemeriksaan ke atas OKT dan di dalam bag

bercorak bunga yang masih dipegang oleh OKT, didapati dua ketulan mampat bersalut plastik lutsinar dan kertas timah yang disyakki dadah jenis ganja. SP4 telah membawa OKT dan barang kes yang dirampas balik ke balai di mana barang kes telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa dan disahkan adalah cannabis seperti ditakrifkan di dalam s. 2 ADB 1952, yang menjadi hal perkara dalam pertuduhan. Peguambela telah membangkitkan isu-isu iaitu (1) sama ada OKT mempunyai penjagaan dan/atau kawalan ke atas dadah yang dirampas; (2) ia tidak memadai hanya melalui menilai atau menerima keterangan saksi SP4 seorang tanpa keterangan sokongan oleh itu keterangan SP4 longgar dan harus ditolak serta peguambela memohon inferen yang berlawanan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 dipakai memihak kepada OKT; (3) keraguan terhadap identiti barang kes dan putus rantaian keterangan serta isu barang kes telah diganggu dan seal Jabatan Kimia telah terbuka; (4) jika sekiranya OKT mempunyai milikan *mens rea* terhadap dadah yang dirampas namun tiada keterangan menunjukkan dadah itu untuk tujuan pengedaran; (6) sama ada kes pembelaan dan versi OKT mengenai apa yang terjadi menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

Diputuskan:

(1) Dengan melihat kepada keadaan OKT yang sedang memegang bag kertas yang mengandungi dadah tersebut dan tindakan OKT yang cuba lari dan kemudiannya bergelut dengan polis, adalah munasabah untuk mahkamah ini membuat satu inferen dengan menggunapakai kes *Tong Peng Hong v. PP* bahawa OKT mempunyai pengetahuan tentang dadah itu. Tindakan OKT itu menunjukkan dia takut dan enggan untuk ditangkap. Mahkamah memutuskan bahawa OKT mempunyai pengetahuan yang diperlukan terhadap dadah yang dinyatakan dalam pertuduhan. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan OKT mempunyai penjagaan dan/atau kawalan ke atas dadah cannabis yang menjadi perkara asas dalam pertuduhan. OKT juga mempunyai pengetahuan *mens rea* terhadap dadah tersebut. Oleh kerana berat dadah terlibat melebihi peruntukan s. 37(da)(vi) ADB 1952 maka anggapan mengedar adalah terpakai. (perenggan 13, 15, 18 & 21)

(2) Seksyen 134 Akta Keterangan tidak menetapkan jumlah saksi bagi membuktikan sesuatu fakta. Seksyen 134 menyebutkan 'No particular number of witnesses shall in any case be required for the proof of any fact.' Adalah menjadi prinsip asas bahawa terpulanglah kepada budibicara pihak pendakwaan untuk memanggil saksi yang mana satu dan berapa jumlah saksi perlu dipanggil selagi saksi yang dipanggil itu walaupun seorang tetapi dapat membuktikan kes pihak pendakwaan. Selagi saksi itu boleh dipercayai dan credible serta dapat memberikan narrative kes pendakwaan sudah memadai. Mahkamah berpendapat bahawa kegagalan memanggil yang lain untuk memberi keterangan bukanlah kerana terdapat sesuatu niat untuk 'withholding or suppression of evidence' tetapi atas alasan bahawa keterangan SP4 seorang telah membuktikan kes pihak pendakwaan. Oleh itu anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan tidak boleh dipakai terhadap pihak pendakwaan dalam kes ini. (perenggan 19 & 20)

(3) Berat kasar dadah yang dinyatakan dalam pertuduhan asal sebanyak 1754 gram manakala berat kasar mengikut timbangan oleh Ahli Kimia seberat 1757.36 gram. Terdapat perbezaan berat kasar mengikut timbangan oleh pihak polis dengan timbangan yang dibuat oleh Ahli Kimia iaitu sebanyak 3.36 gram. Dengan hormatnya, OKT dipertuduhkan dengan satu pertuduhan mengedar dadah cannabis seberat 1638.9 gram iaitu berat bersih dadah itu dan bukan atas berat kasar. Pertuduhan asal di mahkamah rendah hanya menyebutkan berat kasar oleh kerana berat bersih belum diketahui ketika itu. Tidak ada keraguan tentang identiti dadah dan tidak ada putus rantaian keterangan mengenai barang kes atas alasan terdapat perbezaan kecil berat kasar dadah dalam kes ini. Mengenai isu barang kes telah diganggu dan kotak tempat simpanan barang kes dimakan anai-anai, kesemuanya berkaitan kejadian selepas barang kes dianalisa. Selepas dianalisa oleh Ahli Kimia, barang kes tidak lagi mustahak dan tidak akan menimbulkan apa-apa keraguan terhadap kes pihak pendakwaan oleh kerana barang kes telah ditanda dan dicamkan oleh saksi-saksi pendakwa. Tiada apa-apa keraguan berkenaan barang kes yang dirampas dari tangan OKT di tempat kejadian dan barang kes yang sama telah dianalisa oleh SP3 dan sekarang dikemukakan di hadapan mahkamah ini. Seterusnya, mahkamah menerima

keterangan yang diberikan oleh SP3, ahli kimia yang telah menganalisa dadah yang menjadi asas dalam pertuduhan. (perenggan 23, 27 & 28)

(4) Milikan pasif adalah tidak memadai bagi kesalahan pengedaran. Mesti ada elemen-elemen pengedaran yang boleh diinfer dari keadaan sesuatu kes. Mahkamah boleh mengambil pendekatan logik akal (common sense approach) untuk memastikan tujuan sebenar pemilikan dadah itu oleh OKT. OKT telah ditangkap di tepi jalan di waktu malam di satu tempat yang agak sunyi yang jauh dari tempat tinggal beliau. Ini semua ada dalam pengetahuan OKT sendiri. Fakta ini tidak menghalang mahkamah membuat andaian bahawa satu transaksi dadah akan berlaku di sana pada malam itu. Sekiranya OKT seorang penagih dadah ganja dan pemilikan itu untuk tujuan kegunaan sendiri, apa perlu OKT berada di tepi jalan di sana. Lagi pun berat dadah lapan kali lebih dari berat minima bagi anggapan pengedaran dadah adalah satu jumlah yang terlalu banyak untuk kegunaan sendiri. Jumlah dan berat dadah yang terlibat membolehkan inferen dibuat bahawa ia adalah untuk tujuan pengedaran. (perenggan 30)

(5) Versi OKT tentang kehadiran satu Mohamad Hafiz Ching di tempat kejadian pada malam kejadian dan pengataan beliau bahawa dadah ditemui pada bakul motosikal dan bukan dalam beg kertas yang dipegang oleh OKT sendiri tidak boleh dipercayai. Mahkamah tidak mempunyai apa-apa alasan untuk meragui kebenaran dan kredibiliti saksi pendakwaan terutama SP4 yang menyatakan dengan tegas bahawa bag kertas yang mengandungi dadah itu dirampas dari tangan kiri OKT. Tiada alasan dan tidak ada kelebihanya kepada SP4 untuk bercakap bohong untuk menganiaya OKT. Pembelaan OKT hanya satu 'mere denial.' (perenggan 36)

(6) Pembelaan OKT tidak menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan pihak pembelaan juga, atas imbangan kebarangkalian, telah gagal mematahkan anggapan statutori di bawah s. 37(da)(vi) ADB 1952. Mahkamah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT di atas pertuduhan yang dihadapkan terhadap beliau. OKT telah dibuktikan mempunyai milikan sebenar secara fizikal cannabis

seberat 1638.9 gram. OKT juga dibuktikan mempunyai pengetahuan *mens rea*. Mahkamah mendapati OKT bersalah dan disabitkan dengan satu pertuduhan di bawah s. 39B(1)(a) ADB 1952 dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati seperti diperuntukkan di bawah s. 39B(2) ADB 1952. (perenggan 37)

[Perintah seharusnya.]

Kes-kes yang dirujuk:

Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Chan Pean Leon v. PP [1956] 1 LNS 17 ***(dirujuk)***
Gunalan Ramachandran & Ors v. PP [2004] 4 CLJ 551 CA ***(dirujuk)***
Lee Kwan Woh v. PP [2008] 4 CLJ 133 CA ***(dirujuk)***
Mohammad Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***
Mohamed Yatin Abu Bakar v. PP [1949] 1 LNS 50 ***(dirujuk)***
Muhammed Hassan v. PP [1998] 2 CLJ 170 FC ***(dirujuk)***
Munusamy Vengadasalam v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 SC ***(dirujuk)***
Ong Ah Chuan v. PP [1980] 1 LNS 181 PC ***(dirujuk)***
Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717 FC ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Rahman Akif [2007] 4 CLJ 337 FC ***(dirujuk)***
PP v. Foong Chee Cheong [1969] 1 LNS 128 ***(dirujuk)***
PP v. Kang Ho Soh [1991] 3 CLJ 2914; [1991] 3 CLJ (Rep) 557 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Farid Mohd Sukis & Anor [2002] 8 CLJ 814 HC ***(dirujuk)***
PP v. Ouseng Sama-Ae [2008] 1 CLJ 337 CA ***(dirujuk)***
PP v. Reza Mohd Shah Ahmad Shah [2009] MLJU 20 ***(dirujuk)***
PP v. Yuvaraj [1969] 2 MLJ 89 ***(dirujuk)***
PP v. Zulkefle Abu Bakar & Anor [2000] 2 CLJ 359 HC ***(dirujuk)***
Ti Chuee Hiang v. PP [1995] 3 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Toh Su Kuan v. PP [2005] 3 CLJ 740 CA ***(dirujuk)***
Tong Peng Hong v. PP [1955] 1 LNS 165 ***(dirujuk)***
Reza Mohd Shah Ahmad Shah v. PP [2005] 4 CLJ 581 CA ***(dirujuk)***
Surentheran Selvaraja v. PP [2005] 2 CLJ 264 CA ***(dirujuk)***
Zulfikar Mustaffah v. PP [2001] 1 SLR 633 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, s. 180(1)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(da)(vi), 39B(1)(a), 39B(2)
Evidence Act 1950, ss. 114(g), 134

Bagi pihak OKT - Faizal Abu Bakar; T/n Brockett & Cho
Bagi pihak PP - Ian Shang Kuan Chou Chuen TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim PK:

Pendahuluan

[1] Orang kena tuduh (OKT), Lukman bin Aswah, telah dituduh dengan satu pertuduhan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 8 Ogos 2005, jam lebih kurang 10.15 malam, dialamat Jln. Rose Merah 9, Plentong, di dalam daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu 1638.9 gram cannabis dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum dibawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Di akhir perbicaraan, OKT didapati bersalah dan disabitkan. OKT dijatuhkan hukuman gantung sampai mati dan sekarang membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap sabitan dan hukuman yang dijatuhkan.

Kes Pihak Pendakwaan

[3] Pihak pendakwaan telah memanggil seramai lima orang saksi bagi membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT. Saksi-saksi tersebut adalah seperti berikut:

1. SM 70521 Mohd Said bin Mohd Shariff – Ketua Setor Barang Kes (SP1);
2. Det. L/KPL 124714 James Anak Ragai – Jurufoto (SP2);
3. En. Muhammad Yazid bin Ibrahim – Ahli Kimia (SP3);
4. ASP Abdullah bin Mohamad – Ketua Pasukan Serbuan (SP4);
5. Cif Inspektor Mohd Nasir bin Jappiry – Pegawai Penyiasat Kes (SP5).

[4] Sebelum menutup kes, pihak pendakwaan menawarkan lima orang saksi berikut kepada pihak pembelaan, iaitu:

A
1. Inspektor Norhisham bin Mustapar – anggota serbuan;

2. RF 73529 Mohd Isa bin Jalil – anggota serbuan;

3. RF 65737 A. Huzaimi bin A. Rahman – anggota serbuan;

B
4. Det. KPL Koomerdeshan a/l Krishnan – anggota serbuan; dan

5. Det. Sjn. 104903 Mohd Ridzuan Shah bin Abdullah – anggota serbuan.

C
Peguambela terpelajar bagaimanapun tidak memerlukan kesemua saksi tersebut dan kesemua saksi tersebut dilepaskan oleh mahkamah.

[5] Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan melalui saksi-saksi yang telah memberikan keterangan dapat diringkaskan
D
seperti berikut:

5.1 Pada 8.8.2005 jam lebihkurang 10.00 malam, SP4 bersama sekumpulan anggota pasukan polis bertindak atas maklumat yang diterima telah pergi ke Jalan Rose Merah 9, Plentong, Johor Bahru. Setibanya di sana SP4 bersama anggota telah
E
membuat rondaan di kawasan itu tetapi tidak melihat sesiapa.

5.2 Pada jam lebihkurang 10.10 malam semasa SP4 membuat rondaan kali kedua, SP4 telah melihat OKT di tepi jalan dan sedang memegang satu bag di tangan kirinya. SP4
F
menyatakan bahawa pada masa itu keadaan sekeliling agak terang kerana terdapat lampu jalan dan juga cahaya lampu daripada sebuah bengkel dimana OKT sedang berdiri.

5.3 Seterusnya, SP4 dan anggota polis menyerbu kearah OKT dan memperkenalkan diri sebagai polis kepada OKT di mana
G
OKT terus cuba untuk melarikan diri ke arah sebuah motosikal. SP4 dan anggota pasukan serbuan telah berjaya menahan OKT dan semasa penahanan OKT tersebut telah berlaku satu pergelutan antara SP4 dan anggota pasukan serbuan dengan OKT.

H
5.4 Setelah OKT ditahan, SP4 telah menjalankan pemeriksaan ke atas OKT dan di dalam bag bercorak bunga yang masih dipegang oleh OKT, SP4 mendapati di dalam bag itu terdapat 2 ketulan mampat bersalut plastik lutsinar dan kertas timah yang disyaki dadah jenis ganja.

I

5.5 SP4 telah merampas bag bercorak bunga (P10) dan kandungannya iaitu 2 ketulan mampat bersalut plastik lutsinar dan kertas timah yang disyaki ganja. SP4 telah membawa OKT dan barang kes yang dirampas balik ke balai. SP4 kemudiannya telah menyerahkan barang kes serta tangkapan kepada Pegawai Penyiasat, SP5.

5.6 Barang kes yang disyaki ganja telah dihantar oleh SP5 ke Jabatan Kimia untuk dianalisa. Ahli Kimia (SP3) mengesahkan selepas dianalisa bahawa 2 ketulan mampat daun kering yang disyakki ganja tersebut adalah cannabis seberat 1638.9 gram iaitu cannabis seperti di takrifkan didalam seksyen 2 ADB 1952, yang menjadi hal perkara dalam pertuduhan.

Beban Bukti Atas Pihak Pendakwaan

[6] Adalah menjadi kewajipan atas pihak pendakwaan untuk membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT sebagaimana yang telah diperuntukkan dibawah s. 180(1) Kanun Prosedur Jenayah (FMS Cap. 6). Langkah-langkah yang perlu diambil oleh seorang hakim yang membicarakan kes diakhir kes pihak pendakwaan adalah untuk menilai keterangan saksi-saksi pendakwa secara maksimum dan bertanya soalan berikut:

> If I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case? If the answer is in the negative, then no *prima facie* had been made out and the accused would be entitled to an acquittal ... (lihat *PP v. Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457 dan *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85).

Isu-lsu Yang Di bangkitkan Oleh Peguambela Terpelajar

[7] En. Faizal Abu Bakar, peguambela terpelajar telah membangkitkan tiga isu penting yang perlu diputuskan oleh mahkamah. Tiga isu tersebut adalah seperti berikut:

(a) Sama ada OKT mempunyai penjagaan dan/atau kawalan ke atas dadah yang dirampas;

(b) Sama ada elemen *mens rea* milikan telah dibuktikan; dan

(c) Sama ada wujud keraguan ke atas identiti dadah yang dirampas dan menyebabkan rantaian keterangan (chain of evidence) telah terputus.

A **Isu (a) Dan (b) Serta Pandangan Mahkamah Mengenainya**

[8] Peguambela terpelajar berhujah bahawa pihak pendakwaan hanya telah memanggil seorang saksi sahaja iaitu SP4 bagi membuktikan isu ini. Beban untuk membuktikan jagaan dan/atau
B kawalan sepanjang masa terletak di atas bahu pihak pendakwaan dan ia tidak boleh dibuktikan semata-mata hanya dengan menilai atau menerima masuk keterangan dari seorang saksi (SP4) yang tidak disokong. SP4 telah ketempat kejadian bersama-sama dengan sepuluh orang anggota polis yang lain tetapi tidak seorang pun
C dipanggil untuk menyokong keterangan SP4. Peguambela juga menghujahkan bahawa keterangan SP4 dipertikaikan oleh pihak pembelaan dan tanpa keterangan sokongan, keterangan saksi SP4 seorang dikatakan longgar dan harus ditolak. Peguambela mendakwa wujud keraguan mengenai isu jagaan dan/atau kawalan
D dan faedah keraguan ini hendaklah diberikan kepada OKT. Atas kegagalan pihak pendakwaan memanggil lain-lain saksi untuk memberi keterangan bagi menyokong SP4, peguambela terpelajar memohon agar inferen yang bertentangan (adverse inference) di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 harus dipakai memihak
E kepada OKT.

[9] Apa yang membentuk milikan adalah merupakan suatu persoalan undang-undang tetapi sama ada dalam sesuatu kes seseorang itu mempunyai milikan sesuatu barang itu adalah
F merupakan suatu persoalan fakta (lihat *PP v. Kang Ho Soh* [1991] 3 CLJ 2914; [1991] 3 CLJ (Rep) 557). OKT telah dilihat oleh SP4 dan anggota serbuan sedang berdiri ditepi Jalan Rose Merah 9 sambil ditangan kirinya memegang satu bag bercorak bunga. SP4 menghampiri OKT, memperkenalkan dirinya sebagai "polis" dan
G OKT dengan tiba-tiba terus cuba melarikan diri. SP4 dan anggota terus mengejar dan menahan OKT dimana telah berlaku satu pergelutan. OKT akhirnya berjaya ditangkap dan semasa ditahan itu, tangan kiri OKT masih memegang bag kertas bercorak bunga tersebut. SP4 telah merampas bag kertas tersebut dan apabila
H diperiksa dihadapan OKT, 2 ketulan mampat disyakki ganja telah ditemui didalam bag kertas itu. Adalah jelas dari rentetan kejadian ini seperti diberikan oleh SP4, OKT telah ditahan bersama dadah ganja ditemui dalam milikan sebenar secara fizikal. Dalam kes *Lee Kwan Woh v. PP* [2008] 4 CLJ 133 dimana Mahkamah Rayuan
I telah menyatakan berikut:

Hence, in order to establish a *prima facie* case against the accused, the prosecution had to prove: A

(i) that the accused was in actual possession of the cannabis; and

(ii) that the accused at the material time had knowledge of the cannabis found in his possession. B

(see *Chan Pean Leon v. PP* [1956] 1 LNS 17; *PP v. Badrulsham Baharom* [1987] 1 LNS 72 and *Pendakwa Raya v. Ouseng Sama-Ae* [2008] 1 CLJ 337). C

In this case, the first ingredient was clearly established because the accused did have custody and control of the plastic bag (P13). The learned trial judge accepted the evidence as narrated by the prosecution's witnesses, in particular SP4 and SP8 that the accused was carrying P13, containing the cannabis, when he was arrested. The accused was exercising dominion over P13 at all material time. D

[10] Dalam kes dihadapan saya sekarang, SP4 telah melihat OKT memegang bag kertas tersebut ditepi jalan dan masih memegang bag itu yang mengandungi dadah ganja semasa ditahan oleh polis. E Oleh itu pada setiap masa OKT mempunyai kawalan sepenuhnya ke atas bag kertas itu dan apa-apa juga barang yang berada di dalam bag itu.

[11] Bagi membuktikan milikan sebenar, pihak pendakwaan juga F perlu membuktikan bahawa OKT mempunyai pengetahuan mens rea terhadap dadah yang dijumpai itu. Dalam kes *Chan Pean Leon v. PP* [1956] 1 LNS 17, diputuskan:

Intention is a matter of fact which in the nature of things cannot be proved by direct evidence. It can only be proved by inference from surrounding circumstances. Whether these surrounding circumstances make out such intention is a question of fact of each individual case. G

[12] Dalam kes *Tong Peng Hong v. PP* [1955] 1 LNS 165 pula H diputuskan:

If something be found, for example, in a bag which I am carrying or in a box to which I hold the key it is extremely reasonable to suppose, unless I produce some satisfactory evidence to the contrary, that I know all about it. I

[13] Dengan melihat kepada keadaan OKT yang sedang memegang bag kertas yang mengandungi dadah tersebut dan tindakan OKT yang cuba lari dan kemudiannya bergelut dengan polis, adalah satu yang munasabah untuk mahkamah ini membuat satu inferen dengan menggunapakai kes *Tong Peng Hong* bahawa OKT mempunyai pengetahuan tentang dadah itu. Andaian itu walau bagaimanapun adalah sesuatu yang boleh diakas (rebutted). Dalam kes *Lee Kwan Woh v. PP (supra)*, Mahkamah Rayuan dalam memutuskan samada OKT mempunyai pengetahuan telah mengatakan:

> This fact taken together with the conduct of the accused of trying to escape when confronted by the police can only bring this court to one logical and inescapable inference that the accused knew that what he was carrying in the plastic bag was something forbidden by law, in this case cannabis.

[14] Dalam kes *PP v. Ouseng Sama-Ae* [2008] 1 CLJ 337, Mahkamah Rayuan juga telah memberikan pandangan seperti berikut:

> Now, add to all this the demeanour of the accused when confronted by PW3. As we have already said, he began shivering and urinated in his trousers. These are sure signs of fear. If taken alone they may be equivocal in terms of evidentiary value. But there is the other evidence to which we have already adverted. And when taken together, the conduct of the accused on being confronted lends strength to the *prima facie* inference that he had mens rea possession of the proscribed drug. We may add that evidence of the accused's such conduct is plainly admissible by virtue of section 8 of the Evidence Act 1950.

[15] Dalam kes dihadapan saya, OKT terus cuba melarikan dirinya sebaik sahaja SP4 mengenalkan diri sebagai polis. OKT kemudiannya telah bergelut untuk cuba melepaskan diri apabila dia ditahan. Tindakan OKT di sini menimbulkan satu inferen bahawa OKT tahu akan kewujudan dadah tersebut dan tak ingin ditangkap. Tindakan OKT itu menunjukkan dia takut dan enggan untuk ditangkap. Reaksi dan tindakan OKT ini berlaku sebaik sahaja sebelum dadah ditemui dalam bag kertas tersebut. Syor peguambela terpelajar bahawa OKT cuba melarikan diri dan bergelut oleh kerana OKT seorang pendatang haram Indonesia adalah sukar dipercayai dan bukan sesuatu yang semulajadi. Tindakan OKT itu semata-matanya kerana dadah yang beliau bawa masa itu.

[16] Elemen pengetahuan hanya boleh ditentukan melalui inferen terhadap perbuatan, tindakan ataupun ketinggalan dipihak OKT, kecuali dalam kes-kes jual beli dadah di mana selalunya 'agent provocateur' telah digunakan. Fakta dari mana inferen pengetahuan boleh dibuat berbeza dari satu kes ke satu kes yang lain. Mahkamah Rayuan dalam kes *Surentheran Selvaraja v. PP* [2005] 2 CLJ 264 berkata:

> There is, if at all, very seldom available direct proof of the knowledge that is necessary to constitute possession. In almost every case, proof of knowledge has to be by way of inference from the proven circumstances. One set of circumstances different from another. In any given case, whether knowledge is inferable depends on the particular circumstances of the case and a proper appreciation of them. We have to look at the particular circumstances of this case and assess them independently, without being influenced by what may have been decided in some other cases under a different set of circumstances.

[17] Mahkamah Rayuan dalam kes *PP v. Abdul Rahman Akif* [2007] 4 CLJ 337 telah memberikan pandangan mengenai barang kes dadah yang dibalut dengan kertas plastik lutsinar dan kertas timah, sama seperti keadaan barang kes dalam kes kita sekarang, seperti berikut:

> We further agree with the prosecution that the fact that the drug was found wrapped in newspaper is no ground for saying that an inference could not be drawn against the respondent that he had the requisite knowledge.

[18] Dalam kes *Zulfikar bin Mustaffah v. PP* [2001] 1 SLR 633, Mahkamah Rayuan Singapura telah memberikan pandangan berikut mengenai isu yang sama:

> While the fact that the contents of the bundles were hidden from view may have been relevant in determining whether the requisite knowledge was absent, this factor should still not be given too much weight. Otherwise, drug peddlers could escape liability simply by ensuring that any drugs coming into their possession are first securely sealed in opaque wrappings. Rather the court must appraise the entire facts of the case to see if the accused's claim ignorance is credible.

Saya amat bersetuju dengan pandangan yang diberikan dalam kedua-dua kes tersebut diatas. Melihat kepada keterangan yang ada dalam kes dihadapan saya sekarang, mahkamah memutuskan bahawa OKT mempunyai pengetahuan yang diperlukan terhadap

dadah yang dinyatakan dalam pertuduhan. Kes-kes *Toh Su Kuan v. PP* [2005] 3 CLJ 740 dan *Reza Mohd Shah Ahmad Shah v. PP* [2005] 4 CLJ 581 yang menjadi panduan peguambela terpelajar dalam hujahan beliau mengenai isu ini tidak lagi terpakai oleh kerana telah ditolak (overrule) oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Parlan Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717 dan dalam kes *PP v. Reza Mohd Shah Ahmad Shah* [2009] MLJU 20 (per: Abdul Aziz Mohamad FCJ).

[19] Peguambela terpelajar juga telah berhujah bahawa oleh kerana sepanjang masa beban pembuktian terletak dipihak pendakwaan untuk membuktikan jagaan dan/ atau kawalan maka ia tidak memadai hanya melalui menilai atau menerima keterangan saksi SP4 seorang tanpa keterangan sokongan. Oleh kerana tidak seorang pun anggota serbuan polis dipanggil untuk menyokong keterangan SP4, peguambela berhujah keterangan SP4 longgar dan harus ditolak. Atas kegagalan memanggil saksi serbuan yang lain itu, peguambela memohon inferen yang berlawanan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 dipakai memihak kepada OKT. Dengan hormatnya, hujahan peguambela tersebut tidak dapat dipersetujui. Pertamanya, s. 134 Akta Keterangan tidak menetapkan jumlah saksi bagi membuktikan sesuatu fakta. Seksyen 134 menyebutkan 'No particular number of witnesses shall in any case be required for the proof of any fact'. Adalah menjadi prinsip asas bahawa terpulanglah kepada budibicara pihak pendakwaan untuk memanggil saksi yang mana satu dan berapa jumlah saksi perlu dipanggil selagi saksi yang dipanggil itu walaupun seorang tetapi dapat membuktikan kes pihak pendakwaan. Selagi saksi itu boleh dipercayai dan credible serta dapat memberikan narrative kes pendakwaan sudah memadai (lihat kes *Ti Chuee Hiang v. PP* [1995] 3 CLJ 1 oleh Edgar Joseph Jr. HMA).

[20] Keduanya, berkaitan dengan inferen yang berlawanan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan. Pihak pendakwaan telahpun menawarkan anggota serbuan untuk menjadi saksi pihak pembelaan tetapi kesemuanya tidak dikehendaki. Mahkamah telah memerintahkan semua saksi tersebut dibebaskan. Saksi-saksi tersebut semuanya anggota pasukan serbuan jika dipanggil pun akan memberikan versi yang sama yang diberikan oleh SP4. Tidak ada aspek keterangan yang lain cuba diselindungkan oleh pihak pendakwaan. Mahkamah berpendapat bahawa kegagalan memanggil mereka untuk memberi keterangan bukanlah kerana terdapat sesuatu niat untuk 'withholding or suppression of evidence' tetapi atas alasan bahawa

keterangan SP4 seorang telah membuktikan kes pihak pendakwaan. Lagi pun saksi-saksi tersebut telah ditawarkan kepada pihak pembelaan. Oleh itu anggapan dibawah s. 114(g) Akta Keterangan tidak boleh dipakai terhadap pihak pendakwaan dalam kes dihadapan mahkamah sekarang (lihat kes *Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221).

[21] Dalam kes ini saya berpuashati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan OKT mempunyai penjagaan dan/atau kawalan keatas dadah cannabis yang menjadi perkara asas dalam pertuduhan. OKT juga mempunyai pengetahuan *mens rea* terhadap dadah tersebut. Oleh kerana berat dadah terlibat melebihi peruntukan s. 37(da)(vi) ADB 1952 maka anggapan mengedar adalah terpakai (lihat kes *Muhammed Hassan v. PP* [1998] 2 CLJ 170).

Isu (c) Keraguan Terhadap Identiti Barang Kes Dan Putus Rantaian Keterangan Serta Pandangan Mahkamah Mengenainya

[22] Peguambela terpelajar menimbulkan perkara-perkara berikut dalam hujahnya bawah isu ini, iaitu:

(i) Terdapat perbezaan pada berat kasar dadah yang terlibat;

(ii) Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan laporan polis/ laporan maklumat pertama (FIR) oleh SP4 selaku pengadu;

(iii) Kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi L/KPL Jagjit Singh selaku penjaga setor barang kes selepas 15 Mac 2006;

(iv) Barang kes telah diganggu;

(v) Seal Jabatan Kimia telah terbuka;

(vi) Keadaan kotak bertanda 'MN' yang sebahagian penutup dimakan anai-anai; dan

(vii) Laporan kimia oleh SP3 tidak tepat, terlalu ringkas dan mengelirukan.

[23] Peguambela terpelajar berhujah terdapat keraguan terhadap barang kes oleh kerana berat kasar dadah yang dinyatakan dalam pertuduhan asal sebanyak 1754 gram manakala berat kasar mengikut timbangan oleh Ahli Kimia seberat 1757.36 gram. Terdapat perbezaan berat kasar mengikut timbangan oleh pihak

polis dengan timbangan yang dibuat oleh Ahli Kimia iaitu sebanyak 3.36 gram. Tiada penjelasan diberikan atas perbezaan ini. Dengan hormatnya, OKT di pertuduhkan dengan satu pertuduhan mengedar dadah cannabis seberat 1638.9 gram iaitu berat bersih dadah itu dan bukan atas berat kasar. Pertuduhan asal di mahkamah rendah hanya menyebutkan berat kasar oleh kerana berat bersih belum lagi diketahui ketika itu. Tidak ada keraguan tentang identiti dadah dan tidak ada putus rantaian keterangan mengenai barang kes atas alasan terdapat perbezaan kecil berat kasar dadah dalam kes ini. Berat bersih dadah hanya diketahui setelah dianalisa oleh SP3. Dalam kes *Gunalan Ramachandran & Ors. v. PP* [2004] 4 CLJ 551 mahkamah memberikan pandangan berikut:

> Actually, the weight of 880 grams stated in the charge before the Magistrate's Court is the gross weight of the suspected drug contained in the plastic packets as weighed by the police. The exhibits had not been analysed by the chemist yet. We cannot expect the initial weighing by the police to be as accurate as done by the chemist. In any event, that is not the weight for which the appellants were charged. They were charged with trafficking of 61.1 grams monoacetylmorphines. That is the weight given by the chemist. So, this ground has no merits.

[24] Peguambela terpelajar berhujah bahawa kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan laporan polis SP4 membolehkan inferen bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 boleh dipakai memihak kepada OKT. Peguambela juga berhujah laporan polis itu sepatutnya dikemukakan bagi menyokong keterangan lisan saksi SP4. Peguambela bagaimanapun gagal menyoal balas SP4 mengenai kandungan laporan polis SP4 itu. Tidak juga disyorkan bahawa terdapat percanggahan dalam laporan polis tersebut. Keterangan yang diberikan oleh SP4 adalah jelas dan tanpa sebarang keraguan. Oleh itu tidak wajib laporan polisnya dikemukakan untuk menyokong keterangan SP4. Laporan polis atau laporan maklumat pertama (FIR) pada hemat saya hanya wajar dikemukakan dalam keadaan-keadaan tertentu iaitu:

(i) Jika keterangan lisan saksi itu kabur, goyah dan tidak menyakinkan, maka perlu dikemukakan bagi menyokong untuk menguatkan keterangan saksi itu;

(ii) Apabila wujud percanggahan dalam keterangan saksi semasa di soal-balas dengan kandungan laporan polisnya;

(iii) Untuk tujuan menguji kredibiliti saksi itu bagi tujuan untuk mencabar keboleh-percayaan saksi itu.

[25] Walau apapun jua, laporan polis bukanlah satu keterangan yang substantif seperti kata Gill J (ketika itu): 'However important a document or FIR is, it can never be treated as a piece of substantive evidence.' (lihat *PP v. Foong Chee Cheong* [1969] 1 LNS 128). Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan laporan polis SP4 dalam kes ini tidak 'fatal' kepada kes pihak pendakwaan. YA Augustine Paul JCA (ketika itu) dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 memberikan ulasan berikut:

> Although of great importance, the omission of a first information report does not however appear *per se* to be fatal to the prosecution. In *Ooi Hock Leong v. R* [1955] 1 LNS 84; [1955] MLJ 229, Spencer-Wilkinson J (as he then was) while deploring the omission as very serious found on the record evidence other than from the complainant of the offence of the accused and dismissed the appeal against conviction. Gill J (as he then was) in *PP v. Foong Chee Cheong* [1969] 1 LNS 128; [1970] 1 MLJ 97 was of the same mind. He held that the fact that no first information report was made was not itself a ground for throwing out a case. The case of *Ooi Hock Leong v. R*, *supra*, is however distinguishable and was distinguished by the learned judge himself from the earlier case of *Chin Khing Siong v. R* [1952] 1 LNS 16; [1952] MLJ 74, it is clear from his explanation that where the case against the accused depended entirely on the evidence of the complainant, the failure to produce the first information report had deprived the accused of an opportunity to cross examine his accuser and in this circumstances the presumption under section 114(g) of the Evidence Ordinance must be raised that the report would be unfavourable to the prosecution case. This rationale was followed by Smith J in *Teo Thin Chan & Anor v. PP* [1957] 1 LNS 89; [1957] MLJ 184 where the appeal against conviction was allowed. The passage just referred to makes it patent that the evidentiary value of a first information report is only to contradict the testimony of a witness under s. 145 of the Evidence Act 1950 or to corroborate his testimony under s. 157 of the said Act the operation of which is as explained in *Lim Guan Eng v. PP* [2000] 2 CLJ 541. It is not substantive evidence of its contents. The question that arises for determination, in the circumstances, is whether the failure to adduce in evidence the first information report is capable of an adverse inference being drawn against the prosecution under s. 114(g) of the Evidence Act 1950. Where the evidence of a witness does not require to be corroborated in law there is no obligation to tender corroborative evidence to support his testimony. Thus if the case for the prosecution rests solely

A on the evidence of one witness in such a category there is no requirement in law for his evidence to be corroborated. Any such requirement will conflict with s. 134 of the Evidence Act 1950 which provides that no particular number of witnesses shall in any case be required for the proof of any fact. This mean that the
B testimony of a single witness, if believe, issufficient to establish any fact (see *Khaw Cheng Bok & Ors v. Khaw Cheng Poon & Ors* [1998] 1 LNS 340; [1998] 3 MLJ 457). However, the facts and circumstances of a particular case may make it desirable for his evidence to be corroborated.

C **[26]** Oleh itu hujah peguambela atas isu ini sukar diterima.

[27] L/KPL Jagjit Singh tidak dipanggil oleh pihak pendakwaan untuk memberi keterangan. Peranan L/KPL Jagjit Singh adalah sebagai penjaga setor barang kes. Setelah barang kes dianalisa oleh
D Ahli Kimia, barang kes telah dihantar ke setor barang kes di bawah jagaan SP1. Apabila SP1 bersara pada 15 Mac 2006, tugas menjaga setor barang kes diambil alih oleh L/KPL Jagjit Singh. Kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi ini tidak menjadikan putus rantaian keterangan berkenaan barang kes. Selepas dianalisa
E oleh Ahli Kimia, barang kes tidak lagi mustahak dan tidak akan menimbulkan apa-apa keraguan terhadap kes pihak pendakwaan oleh kerana barang kes telah ditanda dan dicamkan oleh saksi-saksi pendakwa (lihat kes *Gunalan Ramachandran & Ors v. PP* [2004] 4 CLJ 551). Begitu juga dengan hujahan peguambela mengenai isu
F barang kes telah diganggu, seal Jabatan Kimia telah terbuka dan kotak tempat simpanan barang kes dimakan anai-anai, kesemuanya berkaitan kejadian selepas barang kes di analisa oleh SP3. Penjelasan telah diberikan oleh saksi-saksi pendakwaan. Tindakan SP4 menoreh sedikit balutan salah satu ketulan mampat daun
G kering dibuat untuk mempastikan kandungan balutan tersebut mengandungi bahan tumbuhan disyaki ganja bagi melaksanakan tugas beliau selanjutnya iaitu menahan OKT. Jika ada gangguan pada kotak simpanan barang kes dan barang kes itu sendiri ia bukan oleh perbuatan manusia tetapi kerja anai-anai. Saya
H menerima penjelasan yang diberikan oleh saksi-saksi pendakwa mengenai perkara ini. Saya juga memutuskan tiada apa-apa keraguan berkenaan barang kes yang dirampas dari tangan OKT ditempat kejadian dan barang kes yang sama telah dianalisa oleh SP3 dan sekarang dikemukakan dihadapan mahkamah ini. Abdul
I Hamid Mohamad HMR (ketika itu) dalam kes *Gunalan Ramachandran (supra)* telah menegaskan:

What has to be proved is that it is the substance that was recovered that was analysed by the chemist and found to be heroin, cannabis etc., and it is for the trafficking of that same substance that the accused is charged with. The proof of the chain of evidence is only a method of proving that fact. The fact that there is 'a gap', does not necessarily mean that that fact is not proved. It depends on the facts and circumstances of each case. There may be a gap in the chain of evidence. But, if for example, during that 'gap' the exhibits are sealed, numbered with identification numbers, there is no evidence of tempering, there is nothing that would give rise to a doubt that the exhibit is the exhibit that was recovered in that case and that was analysed by the chemist, the fact that there is a gap, in the circumstances of the case, may not give rise to any doubt of that fact.

[28] Perkara terakhir yang ditimbulkan oleh peguambela terpelajar di bawah isu ini adalah bahawa keterangan ahli kimia tidak tepat, ringkas dan mengelirukan. Berkaitan dengan perkara ini, apa-apa kekeliruan yang didakwa oleh peguambela telah pun dijelaskan oleh SP3 semasa disoal-balas. Keterangan SP3 dan penjelasan yang beliau telah berikan telah diterima oleh mahkamah. Keterangan saksi SP3 ini tidaklah 'inherently incredible' sehingga keterangan beliau boleh ditolak oleh mahkamah. Dalam kes ini mahkamah menerima keterangan yang diberikan oleh SP3, ahli kimia yang telah menganalisa dadah yang menjadi asas dalam pertuduhan. Dalam kes *Balachandran (supra)* diputuskan:

The second part of the submission of learned counsel relates to the nature of the evidence that must be adduced from the chemist. It is true that the chemist did not give any evidence of the tests carried out by him in arriving at his conclusion. It has been held by the trilogy of the (then) Supreme Court cases of *Munusamy v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221; [1987] 1 MLJ 492, *PP v. Lam San* [1991] 3 CLJ 2410; [1991] 1 CLJ (Rep) 391; [1991] 3 MLJ 426 and *Khoo Hi Chiang v. PP* [1994] 2 CLJ 151 that the court is entitled to accept the evidence of the chemist on its face value without the necessity for him to go into details of what he did in the laboratory step by step unless it is inherently incredible or the defence calls evidence in rebuttal by another expert. The rationale of this view is lucidly explained in *Khoo Hi Chiang v. PP* [1994] 2 CLJ 151 where it was held that the evidence of a chemist on dangerous drugs analysed by him is one of fact and not of opinion. In the circumstances the evidence of a chemist is not controlled by s. 51 of the Evidence Act 1950 thereby making it unnecessary

A for him to testify on the tests conducted by him in arriving at his conclusion. The evidence of the chemist is therefore sufficient. The trial judge had accepted it. The defence did not seriously challenge the evidence beyond merely putting to the chemist that his analysis was improper and inadequate. The chemist disagreed with the suggestion. This submission of learned counsel cannot therefore be sustained.

B

Milikan Pasif Serta Pandangan Mahkamah Mengenainya

[29] Peguambela OKI juga berhujah satu isu berkaitan milikan C pasif. Peguambela berhujah jika sekiranya pun OKT mempunyai milikan *mens rea* terhadap dadah yang dirampas namun tiada keterangan menunjukkan dadah itu untuk tujuan pengedaran. Oleh kerana tiada apa-apa tindakan berlebihan (overt act) maka dikatakan dadah itu hanya berada dalam milikan pasif OKT. Tiada D keterangan mengenai transeksi jual-beli, tiada pihak ketiga ditempat kejadian hanya OKT seorang diri disana. Peguambela dengan itu berhujah pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen anggapan pengedaran dibawah s. 37(da) Akta. Peguambela telah merujuk beberapa otoriti antaranya *Ong Ah Chuan v. PP* [1980] 1 LNS E 181 dan *PP v. Zulkefle Abu Bakar & Anor* [2000] 2 CLJ 359. Mahkamah bersetuju bahawa selain membuktikan milikan *mens rea*, 'overt act' juga perlu ada bagi membuktikan pengedaran dibawah s. 39B(1)(a) Akta. Perkataan "Pengedaran" telah ditakrifkan dibawah s. 2 Akta seperti berikut:

F

> "trafficking" includes the doing of any of the following acts, that is to say, manufacturing, importing, exporting, keeping, concealing, buying, selling, giving, receiving, storing, administering, transporting, carrying, sending, delivering, procuring, supplying or distributing any dangerous drug otherwise than under the G authority of this Act or the regulations made under the Act.

[30] Milikan pasif adalah tidak memadai bagi kesalahan pengedaran. Mesti ada elemen-elemen pengedaran yang boleh di infer dari keadaan sesuatu kes. Bagi memutuskan isu ini, mahkamah boleh H mengambil pendekatan logik akal (common sense approach) untuk memastikan tujuan sebenar pemilikan dadah itu oleh OKT. OKT telah ditangkap ditepi jalan diwaktu malam hari jam lebihkurang 10.10 malam di satu tempat yang agak sunyi dan tempat itu jauh dari tempat tinggal beliau di Jalan Dedap. Apakah tujuan sebenar I OKT membawa dadah ketempat itu? Adakah OKT sedang menunggu seseorang disana untuk satu transaksi dadah? Ini semua

ada dalam pengetahuan OKT sendiri. Namun fakta ini tidak menghalang mahkamah membuat andaian bahawa satu transeksi dadah akan berlaku disana pada malam itu. Sekiranya OKT seorang penagih dadah ganja dan pemilikan itu untuk tujuan kegunaan sendiri, apa perlu OKT berada ditepi jalan disana. Lagi pun berat dadah lapan kali lebih dari berat minima bagi anggapan pengedaran dadah adalah satu jumlah yang terlalu banyak untuk kegunaan sendiri. Jumlah dan berat dadah yang terlibat membolehkan inferen dibuat bahawa ia adalah untuk tujuan pengedaran. Hakim Augustine Paul (ketika itu) dalam kes *PP v. Mohd Farid Mohd Sukis & Anor* [2002] 8 CLJ 814 berkata:

> There are many circumstances from which such an inference can be drawn. One such circumstances is the weight of the drugs involved. Where, for example, the quantity of drug involve is large it can inferred that they were not kept for personal consumption (see *Ong Ah Chuan v. PP* [1980] 1 LNS 181). This will facilitate the inference that they were kept for the purpose of trafficking. Where the quantity is very small it can be inferred that they were kept for personal consumption and therefore not for trafficking. The object of Section 37(da) of the Act is therefore to enable the court to draw a statutory inference of trafficking based on the quantity of drug possessed. It must be realized that the basic facts, once proved, create the substantive offence of trafficking by way of a presumption in the absence of direct evidence to that effect. The basic facts, once established, do not in any control or narrow down the meaning of "trafficking". As I said in *PP v. Chia Leong Foo* [2000] 4 CLJ 649, in dealing with presumptions, at page 666:
>
> > ... Thus it operates in place of evidence as it deems certain facts to have been proved (see *Ng Kim Huat v. PP* [1961] 1 LNS 73). Presumptions therefore do not deal with admissibility of evidence (see *PP v. Cheng Meng Bong & Ors* [1966] 1 LNS 135) but with a special mode of proving fact which must otherwise be proved by evidence.

[31] Di akhir kes pihak pendakwaan, mahkamah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT di atas pertuduhan yang dihadapkan terhadap beliau. Mahkamah mendapati bahawa OKT telah dibuktikan mempunyai milikan sebenar secara fizikal cannabis seberat 1638.9 gram. OKT juga dibuktikan mempunyai pengetahuan *mens rea*. Oleh kerana berat dadah melebihi jumlah yang dinyatakan di bawah

s. 37(da)(vi) Akta, OKT hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya di anggap mengedar dadah tersebut. Oleh itu OKT diperintahkan untuk membela diri atas pertuduhan yang dihadapkan.

Kes Pembelaan

[32] Tiga pilihan untuk membela diri telah diterangkan dan OKT telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah dari kandang saksi. Secara ringkasnya, keterangan OKT adalah seperti berikut:

32.1 OKT masuk ke Malaysia pada awal bulan Julai tahun 2005. Tujuan utama untuk mencari pekerjaan bagi membantu keluarganya yang dikatakannya dalam keadaan miskin di Acheh, Indonesia. OKT telah bekerja dengan seorang lelaki Cina mualaf bernama Mohamad Hafiz Ching bin Abdullah, sebagai pencuci kereta. OKT tinggal ditingkat atas sebuah rumah kedai di Jalan Dedap 7, Taman Johor Jaya iaitu sebuah bilik disediakan oleh majikannya.

32.2 OKT mengatakan dia bekerja selama lebih kurang 1 bulan sahaja sebelum ditangkap dengan dijanjikan gaji bulanan sebanyak RM500.00.

32.3 OKT mengatakan pada hari kejadian beliau balik dari tempat kerja jam lebihkurang 7.00 malam. Selepas mandi dia tidur sekejap. Lepas bangun tidur OKT turun kebawah untuk makan malam disebuah kedai. Dikedai itu OKT kata dia jumpa majikannya, En. Mohamad. Majikannya telah ajak OKT pergi ke Plentong untuk berjumpa seorang kawan. OKT tidak membantah dan tidak banyak soal.

32.4 OKT ikut majikannya pergi ke Jalan Rose Merah 9 dengan membonceng motosikal yang ditunggang oleh En. Mohamad. Tiba ditempat yang dituju, En. Mohamad terus pergi berjumpa dengan seorang kawannya iaitu seorang lelaki Cina yang telah sedia menunggu diluar sebuah kereta.

32.5 OKT nampak En. Mohamad bercakap-cakap dengan kawannya tetapi tak dapat dengar apa yang mereka bualkan. OKT kata En. Mohamad dan kawannya itu masuk ke dalam kereta dan sebelum mereka beredar, En. Mohamad telah minta OKT menunggu motosikal En. Mohamad yang ditinggalkan disitu.

32.6 OKT berdiri ditepi jalan dalam jarak lebih kurang 6 meter dari motosikal untuk menunggu En. Mohamad. Semasa itu datang 3 buah kereta dan sekumpulan orang turun menyerbu kearah OKT sambil mengenalkan diri mereka polis. OKT kata dia telah ditangkap oleh polis.

32.7 Polis telah periksa badan OKT tapi tak jumpa apa-apa barang salah. Polis hanya merampas telefon bimbit OKT sahaja.

32.8 Salah seorang anggota polis telah jumpa satu bag kertas dalam bakul motosikal En. Mohamad dan Tanya OKT siapa punya bag itu dan OKT jawab itu bag kepunyaan En. Mohamad. Seorang polis telah periksa bag itu dan tunjukkan dua bungkusan dalam bag itu kepada OKT. OKT kata salah seorang polis telah keluarkan pisau dan toreh salah satu bungkusan itu dan tunjukkan isi kandungannya kepada OKT dan bertanya sama ada dia kenal barang itu. OKT jawab beliau tak tahu apa barang itu tetapi rupanya seperti tembakau.

32.9 OKT menafikan dia ada cuba melarikan diri masa diserbu oleh pihak polis. OKT juga menafikan dia ada bergelut dengan mereka sebelum ditahan. Sebelum ditangkap OKT kata dia ada nampak bag kertas itu didalam bakul motosikal En. Mohamad. OKT kata dia tak tanya En. Mohamad apa barang dalam bag itu.

32.10 Selepas ditangkap pihak polis telah membawa dia balik ke rumahnya. Polis telah geledah rumah OKT tapi tak jumpa apa-apa barang salah. OKT kemudiannya dibawa balik ke balai polis.

32.11 OKT kata dia ditahan selama 14 hari. Dalam tempoh itu dia telah dipukul dan disuruh mengaku tetapi OKT enggan memberi apa-apa pengakuan atau apa-apa percakapan.

32.12 Semasa disoal utama oleh peguambela OKT telah dirujuk kepada senarai bongkar (P16) OKT mengaku ada tandatangani P16 tetapi menafikan dia cuba lari dan menafikan bag kertas itu dijumpai dari tangannya. OKT kata dia takut masa itu dan bila polis suruh dia tandatangan, dia terus tandatangan saja.

32.13 Diakhir keterangannya OKT kata dia masuk ke Malaysia untuk mencari rezeki. Ini kali pertama dia masuk ke Malaysia.

32.14 OKT juga mengatakan bahawa dia menghormati En. Mohamad sebagai majikan yang baik dan banyak menolong OKT di Malaysia. OKT kata oleh itu dia tak pernah membantah atau menyoal apa saja yang diminta atau diarahkan oleh En. Mohamad.

32.15 Semasa disoal-balas, OKT memberitahu waktu kerja beliau dari jam 8.00 pagi hingga kadang-kadang sampai jam 8.00 malam. Beliau setuju setelah bekerja lebihkurang selama 12 jam dia berasa amat letih. OKT kata biasanya lepas habis kerja dia terus tidur atau baring. Lepas itu baru dia akan turun untuk makan malam.

32.16 OKT kata dia jarang keluar diwaktu malam jauh dari kawasan berdekatan dengan tempat tinggalnya di Jalan Dedap sebab keletihan.

32.17 OKT kata dia tak perasan pada nombor pendaftaran kenderaan kawan En. Mohamad dan menafikan En. Mohamad minta OKT jaga bag kertas dan motosikal dia disitu.

32.18 OKT setuju dia tak kenal semua anggota polis yang menangkapnya dan setuju tidak ada alasan untuk semua anggota polis tersebut untuk membuat aniaya kepada dia.

32.19 OKT setuju walau pun dipukul teruk oleh polis semasa dibalai namun dia tak beritahu apa-apa kepada pihak polis, termasuk tidak memberitahu dadah di dalam bag kertas itu kepunyaan En. Mohamad.

32.20 OKT tak setuju semasa ditangkap dia sedang memegang bag kertas bercorak bunga dan tak setuju dia tahu bahawa dalam bag itu ada dadah ganja.

Pendapat Dan Keputusan Mahkamah

[33] Dalam menilai kes pihak pembelaan, mahkamah berpandu kepada keputusan dalam kes *Mohammad Radhi bin Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 di mana Mahkamah Agung memutuskan bahawa sungguhpun seorang hakim tidak menerima atau mempercayai versi OKT, dia tidak boleh disabitkan sehingga mahkamah berpuashati atas sebab yang cukup bahawa versi OKT itu tidak menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Jika pihak pendakwaan bergantung kepada sesuatu anggapan bagi membuktikan sesuatu

isu penting dalam pertuduhan, beban pembuktian atas OKT bagi mematahkan anggapan itu adalah atas imbangan kebarangkalian (lihat *PP v. Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89).

[34] Berdasarkan keterangan OKT, mahkamah kini mempunyai dua versi mengenai di mana barang kes dadah telah ditemui. Versi OKT yang mencabar versi saksi pendakwaan, mengatakan dadah ditemui oleh polis dari dalam bakul motosikal. Saksi SP4 mengatakan dadah ditemui dari dalam bag kertas yang dipegang ditangan kiri OKT. Pendekatan mahkamah dalam hal ini bukanlah untuk menentukan versi siapa yang benar atau yang lebih probable. Pendekatan yang sebenarnya yang perlu diambil oleh mahkamah adalah seperti diputuskan oleh Spencer-Wilkinson J dalam kes *Mohamed Yatin bin Abu Bakar v. PP* [1949] 1 LNS 50 seperti berikut:

> That is not the correct approach to a decision in a criminal case to approach the question of the guilt or innocence of the accused on the basis of deciding which of two stories the court should believe, but the court should consider whether the story of the accused has thrown a reasonable doubt on the truth of the prosecution case and, if so, the accused is entitled to an acquittal.

[35] Tidak dinafikan bahawa Mohamad Hafiz Ching bin Abdullah memang wujud. Dari rekod Jabatan Pengangkutan Jalan, beliau adalah tuan punya motosikal Suzuki No. JDE 8815 yang ditemui berdekatan tempat OKT dilihat berdiri sambil memegang bag kertas berisi dadah ganja yang menjadi perkara pokok dalam pertuduhan. Saksi pendakwaan telah meronda kawasan tersebut dua kali sebelum nampak OKT berdiri seorang diri disana. SP4 tidak nampak sesiapa lain disana dan tidak nampak walau sebuah kereta disana. Oleh itu adalah agak sukar untuk mahkamah mempercayai versi OKT bahawa beliau membonceng motosikal yang ditunggang oleh Mohamad Hafiz Ching untuk pergi ke sana. Sukar juga untuk mahkamah mempercayai keterangan OKT bahawa Mohamad Hafiz Ching telah bertemu kawannya disana kononnya datang menaiki kereta. Mustahil bagi Mohamad Hafiz Ching menaiki motosikal dari Jalan Dedap dengan membawa bersamanya OKT hanya untuk bertemu kawannya di Jalan Rose Merah 9, pada waktu malam ditempat yang sunyi. Bukankah lebih baik untuk Mohamad Hafiz Ching meminta kawannya itu yang menaiki kereta datang berjumpa dengannya di Jalan Dedap tersebut. Lebih aneh lagi setelah

berjumpa di Jalan Rose Merah 9, Mohamad Hafiz Ching menaikki pula kereta kawannya itu untuk pergi kesatu destinasi yang lain yang tidak diketahui oleh OKT.

[36] Selepas meneliti semua keterangan yang dikemukakan, mahkamah mendapati bahawa pihak pembelaan telah gagal untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan atas alasan-alasan yang berikut:

(i) Versi OKT tentang kehadiran Mohamad Hafiz Ching ditempat kejadian pada malam kejadian dan pengataan beliau bahawa dadah ditemui pada motosikal dan bahawa dadah itu bukan kepunyaannya tidak boleh dipercayai berdasarkan para 35 diatas;

(ii) Mahkamah tidak mempunyai apa-apa alasan untuk meragui kebenaran dan kredibiliti saksi pendakwaan terutama SP4 yang menyatakan dengan tegas bahawa bag kertas yang mengandungi dadah itu dirampas dari tangan kiri OKT. Tiada alasan dan tidak ada kelebihannya kepada SP4 untuk bercakap bohong untuk menganiaya OKT yang menghadapi hukuman mati. Dalam keterangannya OKT telah menyatakan bahawa beliau tidak kenal dengan orang yang telah menangkapnya dan pada bila-bila masa sebelum beliau ditangkap beliau tidak pernah jumpa mana-mana anggota polis yang menangkapnya. Malah OKT juga bersetuju bahawa tiada apa-apa alasan untuk pihak polis menganiaya dia. Dalam kes *PP v. Mohamed Ali* [1962] 1 LNS 129, Thomson CJ memutuskan:

> When a police witness says something that is not inherently improbable his evidence must in the first instance be accepted. If he says he saw a cow jumping over the moon his evidence is, of course, not to be accepted, but if he says he saw a cow wandering along one of the main Streets of Kuala Lumpur (the sort of thing we all see every day of our lives) there is not the slightest justification for refusing to believe him. Of course if his evidence is contradicted by other evidence or is shaken by cross-examination then it becomes the business of the Magistrate to decide whether or not it should be accepted. In the absence of contra-diction, however, and in the absence of any element of inherent improbability the evidence of any witness, whether a police witness or not, who gives evidence on affirmation, should normally be accepted.

(iii) Mahkamah mengambil perhatian bahawa walaupun keterangan OKT dikatakan selaras dengan keterangan SP4 dan SP5 berkaitan dengan penemuan motosikal kepunyaan Mohamad Hafiz Ching ditempat kejadian, namun selepas meneliti keseluruhan keterangan terutama perkara dipara 35 diatas, mahkamah berpendapat pembelaan OKT tidak menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Pembelaan OKT hanya satu 'mere denial'.

(iv) OKT dalam keterangannya mengatakan walau pun dia dipukul polis tetapi dia tidak memberitahu polis dadah itu kepunyaan Mohamad Hafiz Ching. Walau pun telah menjadi satu undang-undang mantap bahawa seseorang tertuduh tidak memikul apa-apa tanggungjawab untuk membuat kenyataan semasa atau selepas ditangkap dan tiada inferen memudharatkan boleh dipakai terhadap tertuduh tetapi kegagalan saksi-saksi pendakwaan disoal-balas atas perkara ini boleh menjejaskan pertimbangan mahkamah terhadap keberatan (weight) keterangan OKT. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Teng Howe Sing v. PP* [2009] 1 LNS 36 menyatakan:

> With regard to the above contention of the appellant it is our judgment that it is misconceived. By commenting on the failure of the appellant to provide all relevant information regarding "Ho Seng" to the police at the time of his arrest or when his cautioned statement (D2) was recorded five days after his arrest does not mean that the learned trial judge had imposed on the appellant a duty to speak/disclose them in his cautioned statement nor did he draw any adverse inference against the appellant. The learned trial judge's comments on the late disclosure of the real identity of "Ho Seng" at the defence stage merely goes to show the weight that the court attached to the appellant's defence which is permitted by law.

Seterusnya, setelah merujuk kepada kes *PP v. Badrulsham bin Baharom* [1987] 1 LNS 72, dinyatakan:

> In *Badrulsham*'s case, the court was of the view that the failure of the accused to inform the raiding officers that the white plastic bag belonged to Noor Azlan at the time of his arrest and only revealing this information during the interrogation two hours after his arrest, goes some way to support the case for the prosecution ... failure to

A provide relevant information about "Ho Seng" for the police to carry out a through investigation into the probability of his defence, entitled the learned trial Judge to disbelieve him.

B (v) Pembelaan OKT dalam kes ini hanyalah satu penafian yang kosong (mere denial). 'A mere denial without other proof to reasonably dislodge the prosecution's evidence is not sufficient' (lihat kes *PP v. Ling Tee Huah* [1982] 2 MLJ 324).

C **[37]** Selepas meneliti keseluruhan keterangan, mahkamah mendapati bahawa pembelaan OKT tidak menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan dan pihak pembelaan juga, atas imbangan kebarangkalian, telah gagal mematahkan anggapan statutori dibawah s. 37(da)(vi) ADB 1952.

D **[38]** Berdasarkan alasan-alasan yang telah disebutkan, mahkamah mendapati OKT bersalah dan disabitkan dengan satu pertuduhan di bawah s. 39B(1)(a) ADB 1952 dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati seperti di peruntukkan di bawah s. 39B(2) ADB 1952.

E

F

G

H

I